

Projek menaiktaraf kampus UMS-KAL dijangka siap sepenuhnya tahun depan

UB of 05.2012 B2

Oleh **ADRIAN NANDU**
adriannandu@gmail.com

LABUAN: Pengarah Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), Prof. Madya Dr. Shariff Abdul Kadir Omang berkata projek menaiktaraf kampus UMS-KAL dijangka siap secara keseluruhannya tahun hadapan.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya sempena 'Malam Media Bersama UMS-KAL' pada Jumaat lalu di Hotel Waterfront Labuan.

"Antara projek itu ialah pembinaan dewan kuliah pusat yang menelan belanja sejumlah RM25 juta.

"Manakala, projek lain pula ialah seperti menaiktaraf kolej kediaman pelajar, membina laluan berbumbung, menaiktaraf kemudahan sukan, bilik kuliah dan kemudahan teknologi komunikasi dan

maklumat (ICT).

"Apabila semua projek ini siap kelak, saya berharap agar UMS-KAL akan benar-benar menjadi kampus antarabangsa dan bukan sekadar pada namanya sahaja," katanya.

Sebelum itu, beliau berkata, kerajaan pusat melalui Kementerian Pengajian Tinggi telah meluluskan peruntukan yang besar untuk membina prasarana itu untuk kemudahan mahasiswa, pensyarah dan kakitangan.

Sejak ditubuhkan pada Mei 1999, UMS-KAL telah mengeluarkan kira-kira 5,280 graduan.

Dr. Shariff berkata, selepas beroperasi selama 12 tahun yang lalu, UMS-KAL telah membantu menjana ekonomi tempatan dalam pelbagai sektor.


Antaranya ialah pembangunan fizikal, pertambahan penduduk, industri pelancongan, perumahan, pengangkutan,

telekomunikasi, peluang kerjaya, perniagaan dan kraftangan.

"Kewujudan UMS-KAL turut menaikkan semangat ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi walaupun kita sedari mereka mahu belajar di pusat pengajian tinggi di tempat lain," katanya.

Sementara itu, beliau mengucapkan terima kasih kepada pengamal media cetak dan elektronik yang selama ini banyak membantu UMS-KAL di dalam membuat liputan berita dan menjayakan program anjuran kampus berkenaan. "Komitmen dan penglibatan pengamal media menjayakan aktiviti UMS-KAL berjaya membantu mempromosi dan memperkenalkan UMS-KAL ke seluruh pelosok negara.

"Saya yakin dengan



DR. SHARIFF (lima kanan), Zamri (tiga kanan), Taib (empat kiri) dan Ramlah (dua kiri) bergambar kenangan bersama pengamal media cetak dan elektronik di majlis itu.

sumbangan yang banyak dari pihak media, nama dan imej UMS-KAL sebagai satu-satunya Institusi Pengajian Tinggi Awam di pulau ini akan terus dikenali oleh rakyat di negara ini," katanya.

Selain itu, beliau berkata, warga kampus bersedia di dalam memberikan sebarang bantuan samaada dari segi

kepakaran tenaga akademik mahupun mahasiswa untuk menjayakan program media cetak dan elektronik di sini.

Beliau berharap agar majlis seperti malam media itu akan terus membina jalinan kerjasama antara kedua pihak iaitu UMS-KAL dan pengamal media di sini.

UMS-KAL yang terletak

kira-kira 16 KM dari pusat bandar kini menampung sejumlah 2,100 mahasiswa termasuk 176 pelajar antarabangsa dari China, Timur Tengah, Turki dan Tanzania.

Sementara itu, enam pensyarah daripada Bangladesh yang mengajar bahasa Inggeris dan seorang pensyarah dari Jepun yang

mengajar bahasa Jepun juga dihantar untuk berkhidmat di kampus itu.

Turut hadir pada malam media anjuran UMS-KAL itu ialah Timbalan Pendaftar UMS-KAL, Zamri Mohammad Tuah, Pengarah Jabatan Penerangan Labuan, Mohd. Taib Ubah dan Pengarah Jabatan Penyiaran Labuan, Ramlah Johari.